

NAMA

ANGKA GILIRAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026**SEJARAH**

1249/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **nombor giliran** anda pada petak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian**: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas pada ruang yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah			

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

- 1 Hubungan secara timbal balik pemerintah dan rakyat mengukuhkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang membawa kegemilangan kesultanan ini.

(a) Nyatakan **dua** golongan pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan rakyat pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) “Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon: jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.”

Sumber: W.G. Shellabear, 1995. *Sejarah Melayu*

Ulasakan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 2 Komunis melakukan pelbagai tindakan untuk melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu sehingga menyebabkan pengisytiharan darurat pada tahun 1948.

(a) Nyatakan **dua** usaha pihak British menangani ancaman komunis.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kesan zaman darurat dari aspek sosioekonomi.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti jadual berikut.

Jumlah Anggota Pasukan Keselamatan yang Terkorban dalam Darurat Negara Kita Antara Tahun 1948 hingga 1989	
Darurat pertama (1948-1960)	1800 orang
Darurat kedua (1968-1989)	155 orang
Jumlah	1955 orang

Sumber: <https://www.nam.ac.uk/explore/malayan-emergency>

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Kedaulatan merupakan satu konsep berkaitan dengan kenegaraan yang diasaskan dan diamalkan sejak zaman tamadun Yunani.

(a) Nyatakan **dua** kepentingan mewujudkan negara berdaulat.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kepentingan kedaulatan di 3(a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara.
Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa.

(a) Mengapakah negara kita menjadi tumpuan pemerdagangan orang?

.....
.....
.....


[2 markah]

(b) Jelaskan langkah Malaysia dalam menangani pemerdagangan orang.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Graf berikut berkaitan dengan statistik pendatang asing tanpa izin (PATI) di Malaysia pada tahun 2019.



Sumber diubah suai daripada: <https://x.com/bernamadotcom>

Jelaskan kesan jika masalah tersebut tidak dibendung.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab **tiga** soalan sahaja.*

- 5** Perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun merupakan tindak balas terhadap kekejaman dan kesengsaraan pentadbiran Jepun.

- (a) Jelaskan bentuk penentangan rakyat terhadap pendudukan Jepun yang berikut:
- (i) Rejimen Askar Melayu [6 markah]
 - (ii) Secara individu [6 markah]
- (b) Baca petikan berikut.

Zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu bermula dari Disember 1941 hingga Ogos 1945, sering disifatkan oleh mereka yang melaluinya sebagai zaman paling gelap dan ngeri dalam sejarah negara. Pendaratan tentera Jepun membawa perubahan mendadak daripada kehidupan aman di bawah penjajahan British kepada satu era kebuluran, ketakutan, dan kekejaman yang melampau. Walaupun pendudukan Jepun hanya berlangsung selama tiga tahun setengah, namun telah meninggalkan parut trauma yang mendalam kepada satu generasi. Pengalaman ini mengajar kita tentang keperitan hidup tanpa kebebasan dan kepentingan menghargai keamanan.

Ulasakan.

[8 markah]

- 6 British menjalankan dasar dekolonisasi dengan menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dan Sistem Ahli sebagai kerjasama ke arah perpaduan.

(a) Terangkan kesan penubuhan:

- (i) Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)
- (ii) Sistem Ahli

[6 markah]

[6 markah]

(b) Teliti infografik berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam infografik tersebut.

[8 markah]

7 Malaysia berhadapan dengan isu pembangunan dan sosioekonomi pada awal pembentukannya.

(a) Jelaskan cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah.

[6 markah]

(b) Malaysia menangani isu taraf hidup berbeza dan isu kesihatan dengan memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).

Jelaskan.

[6 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Belanjawan Rakyat memperuntukkan keseluruhan RM470 bilion dengan tumpuan memacu pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan kekayaan negara dapat dinikmati secara saksama oleh semua golongan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, peruntukan pembangunan tertinggi yang diumumkan untuk Sabah dan Sarawak dalam Belanjawan 2026 merupakan bukti Kerajaan MADANI mendukung semangat Perjanjian Malaysia (MA63). Sabah menerima peruntukan RM6.9 bilion manakala Sarawak menerima RM6 bilion untuk pembangunan. Malahan, kerajaan turut mengekalkan peruntukan RM600 juta di bawah MA63 untuk tahun depan. Hal ini menunjukkan komitmen kerajaan terhadap agenda pembangunan Sabah dan Sarawak.

Belanjawan ini mencerminkan iltizam kerajaan membina ekonomi mampan, rakyat berdaya tahan dan negara makmur. Malahan belanjawan ini bukan sekadar angka pertumbuhan ekonomi, tetapi tentang mencipta peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan rakyat serta membina asas keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

Sumber diubah suai: BERNAMA, 10 Oktober 2025

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

- 8 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi serta taraf hidup penduduk.

(a) Jelaskan pencapaian DEB dan DPN dari aspek berikut:

(i) Sosial

[6 markah]

(ii) Ekonomi

[6 markah]

(b) Lagu berikut menggambarkan kemajuan yang dinikmati oleh semua kaum di negara kita.

Keranamu Malaysia

Pakar IT pakar ekonomi
Jaguh sukan dan juga jutawan
Berkereta jenama negara
Megah menyusur di jalan raya

Alam siber teknologi terkini
Kejayaan semakin hampiri
Biar di kota ataupun desa
Kita semua pasti merasa bangga

Seni kata: Siso

Seni lagu: Suhaimi Mohd Zain

Jelaskan mesej yang terkandung dalam lirik lagu tersebut.

[8 markah]

9 Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan dalam organisasi antarabangsa seperti Komanwel.

(a) Jelaskan latar belakang penubuhan Komanwel. [4 markah]

(b) Terangkan penyertaan dan sumbangan Malaysia dalam Komanwel. [8 markah]

(c) Teliti gambar berikut.



Sebagai pemimpin negara, bagaimanakah anda memastikan negara kita mampu bersaing di peringkat global? [8 markah]